

24 SEP 2002

MAHATHIR-SRR/I

TINDAKBALAS NEGATIF PELABUR TERHADAP KEMUNGKINAN SRR DINAIKKAN NORMAL,
KATA MAHATHIR

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

COPENHAGEN, 24 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tidak balas spontan para pelabur terhadap saham-saham perbankan apabila beliau membayangkan kemungkinan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) dinaikkan, adalah normal.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata beliau yakin, lama kelamaan pelabur-pelabur akan sedar dan memahami faedah-faedah yang boleh diraih daripada sebarang kenaikan SRR institusi kewangan.

"Itu adalah tindak balas biasa kepada mana-mana pembentangan Bajet, bila kita sebut sesuatu, orang akan jual dan pengurangan (pegangan) ini akan menyebabkan indeks (kewangan) jatuh," katanya pada sidang media yang diadakan pada Mesyuarat Asia-Eropah Keempat di sini.

"Tapi, lama kelamaan kita akan dapat mengatasinya kerana apa yang saya katakan itu adalah untuk kebaikan bank dan orang ramai," katanya, apabila diminta mengulas tentang kejatuhan saham-saham perbankan berikutan pengumuman mengenai SRR itu dalam pembentangan Bajet 2003 Jumaat lepas.

SRR adalah kumpulan dana yang disyaratkan kepada bank-bank menyimpannya di bank pusat. Deposit SRR tidak diberikan sebarang faedah. Pada masa ini SRR berada pada tahap serendah empat peratus.

Semasa pembentangan Bajet 2003, Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, telah membayangkan bahawa SRR mungkin dinaikkan memandangkan pertumbuhan pinjaman yang masih lembap.

Kebimbangan tentang kenaikan SRR ini telah menyebabkan indeks kewangan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) jatuh sebanyak 234 mata sejak dua hari lalu.

Sementara itu, ketika bercakap pada sidang akhbar sempena Minggu Pelabur BSKL 2002 di Kuala Lumpur, naib presiden eksekutif Maybank, Hooi Lai Hoong, berkata penjualan saham-saham perbankan itu adalah tindak balas keterlaluan.

Ini tidak seharusnya berlaku kerana kenaikan SRR menyebabkan kenaikan kadar pinjaman asas (BLR), dan ini pula akan memberi faedah kepada bank.

Bagi Maybank, katanya, untuk setiap kenaikan satu peratus SRR, bank akan kehilangan peluang untuk meraih pendapatan daripada faedah sebanyak RM15 juta setiap tahun.

Tetapi, sebaliknya pula, setiap satu peratus kenaikan SRR menyebabkan kenaikan BLR sebanyak lima mata asas dan bagi Maybank ini boleh menjana pendapatan daripada faedah sebanyak RM18 juta hingga RM20 juta setahun, jelasnya.

"Kenaikan BLR akan mengimbangi kenaikan SRR, tetapi pasaran dibanjiri mudah tunai, saya tidak fikir SRR akan naik," kata Hooi lagi.

-- BERNAMA

MR SM MAD FR KY NHD